



NC adakan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara

Naib Canselor Universiti Malaysia PAHANG (UMP), Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim telah membuat kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali Daud di Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) pada 23 Ogos 2011 yang lalu.

Kunjungan hormat itu adalah untuk membincangkan cadangan penubuhan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Udara di UMP.

Pada masa ini, UMP hanya mempunyai PALAPES Laut selain dari Kor SUKSIS (Sukarelawan Siswa/Siswi Polis) dan Kor SISPA (Siswa Pertahanan Awam) yang telah ditubuhkan sebelum ini.

Perbincangan di antara kedua belah pihak menunjukkan reaksi yang positif di mana satu perbincangan susulan akan diadakan oleh

kedua-dua belah pihak untuk merealisasikan penubuhan PALAPES Udara di UMP.

Sementara itu pada 5 Oktober 2011 yang lalu, Asistan Ketua Staf Tadbir Tentera Udara Malaysia, Yang Berbahagia Mejari Jeneral Dato' Mohd Noh Mohd Said telah membuat kunjungan balas ke UMP untuk membincangkan dengan lebih terperinci penubuhan PALAPES Udara di UMP.

Turut hadir dalam perbincangan berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr Rosli Mohd Yunus, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr Yusarie Zainuddin dan Pengarah Pusat Kokurikulum, Ramle Abid.

Dalam perbincangan berkenaan, kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk merealisasikan penubuhan Palapes Udara di UMP.